
Title	Majlis penyampaian hadiah bercerita, deklamasi dan mengarang
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1998 Muhammad Ariff bin Ahmad

© Muhammad Ariff Ahmad - Aug 1998

disampaikan kepada
**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
BERCERITA, DEKLAMASI & NENGARANG**
anjuran: CPDD & JK Guru-guru Bahasa Melayu
di Anderson Junior College, Ang Mo Kio
pada Sabtu, 1 Ogos 1998 @ 10:00

*Bismillah ir-Rahman ir-Rahim..
alhamdulillah Rabbil-alamin
wabihhi nasta'inu 'ala umuriddunia waddin
wassalatu wassalamu ala asyrafil anbiai wal-mursalin
wa ala alihi wa sahbihhi ajmain.
Rabbisy-rahli shadri wa yasirli amri
wahlul-'uqdatan bil-lisani, yafqahu qauli..*

Yang Dihormati Pengerusi Majlis
Yang Berhormat *Kegawaz CPDD*
Yang berbahagia Para Guru dan Pelajar
Para tetamu dan tamu yang diRahmati Allah..
Assalamu alaikum wR wB.. dan salam sejahtera!

Pertama: marilah kita panjatkan syukur kehaderat Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Pengasih yang telah menganugerahi kita sihat afiat sehingga dapat kita bertemu dalam majlis yang bahagia pada pagi ini. Mudah-mudahan pertemuan kita ini diberkahi-Nya, dan mudah-mudahan Dia redha akan apa yang kita lakukan dalam pertemuan ini,

Kedua: saya berterima kasih kepada Unit Bahasa Melayu CPDD Kementerian Pendidikan dan Jawatankuasa Guru-guru Bahasa Melayu Singapura sebagai penganjur Pertandingan Bercerita, Mendeklamasi Sajak dan Mengarang Antara Sekolah-sekolah (Peringkat Nasional), yang telah mengundang saya dan isteri ke Majlis Penyampaian Hadiah kepada Pemenang-pemenang yang berjaya dalam pertandingan tersebut.

Tetuan, Pepuan, Guru-guru dan para pelajar sekalian..

Kebetulan: Bercerita, Menulis Sajak dan Mengarang adalah sebahagian dari hidup saya, maka apabila diundang untuk menyampaikan sepatah dua kata mengenainya dalam majlis penyampaian hadiah ini segera saya sambut dan saya rundingkan dengan diari yang telah penuh program sepanjang Bulan Bahasa, walaupun undangan rasminya baru saya terima pada jam 11.07 30 Julai 1998.

Pengalaman Bercerita bagi saya bermula pada tahun 1936 ketika saya belajar di Darjah 3B Sekolah Melayu Tanglin Besar di Ellis Road. Guru Darjah 3B itu guru pelatih bernama Harun bin Bajuri (sekarang almarhum). Cikgu Harun telah mengadakan peraduan bercerita antara murid-murid di darjahnya.

Saya telah mengarang reka cerita MAT JAMIN. cerita Mat Jamin ialah kebalikan cerita dongeng Mat Janin yang disebut banyak orang dengan nama Mat Jenin. Bukan sahaja merupakan kebalikan nama Mat Jsnin, bahkan cerita Mat Janin yang berangan-angan kosong itu saya ubah kesudahannya - daripada suatu tragedi menjadi kisah MAT JAMIN yang happy ending.

Cerita saya menang dalam peraduan dan saya dapat hadiah wang tunai 5 sen. Semenjak itu saya kerap jadi tukang reka cerita sama ada untuk patrol Harimau atau untuk pengakap troop ke-24 Singapura apabila budak-budak pengakap mengadakan temasya campfire.

Di samping itu, pada zaman kekanak saya, kami mengaji Quran 6 malam seminggu, dan bersekolah 5 hari seminggu. Malam Jumaat kami tidak mengaji. Hari Jumaat dan Sabtu kami tidak sekolah. Pada zaman itu, amat jarang anak perempuan yang bersekolah. Pada malam Jumaat, biasanya selepas solat Isyak, saya kerap diundang anak-anak dara yang tidak bersekolah itu, untuk bercerita.

Saya ceritakan kepada mereka cerita-cerita yang saya baca dari buku-buku kutub khanah sekolah seperti cerita-cerita jenaka, cerita-cerita penglipur lara, cerita sang kancil, dan lain-lainnya. Kadang-kadang saya bacakan buku-buku terjemahan seperti Sang Lomeri, Sang Maharaja Singa dan lain-lan. Malah kadang-kadang saya bacakan hikayat-hikayat yang dijual orang seperti Hikayat Nabi Bercukur, Hikayat Tengkorak Kering dan sebagainya.

Saya bercerita itu diupahi mereka; kadang-kadang dapat 5 sen cukup untuk wang saku ke sekolah. Yang pasti, lepas bercerita atau lepas membacakan buku yang mereka beli itu, ada kenduri bubur kacang atau pulut hitam.

Puisi yang sekarang kita sebut sajak baru berkembang di Singapura malah di Semenanjung Tanah Melayu (sekarang: Malaysia) semenjak kira-kira 1943 dipelopori Masuri S.N., walaupun puisi itu sudah mula berkembang di Indonesia semenjak 1933 dan terkenal dengan nama **sanjak** atau **syair moderen**. Sebelum itu puisi yang terkenal di kalangan persuratan Melayu ialah **pantun** dan **syair**.

Pantun banyak saya dapati dalam majalah-majalah tahun 30-an. Sebuah pantun yang terkesan dalam hati dan menjadikan saya suka akan pantun, ialah pantun yang ditulis *Kak Cah* ditujukan kepada *Bang Mat* menerusi Majalah Tanah Melayu pada 1936/37. ketanya:

***Ikan selangat banyak bertulang,
Isinya lemak digemari orang;
Sulaiman bin Ahmad nama pengarang,
Sedikit cakap banyak temberang.***

Kerana suka akan pantun, saya masuki peraduan menulis pantun yang dianjurkan guru Darjah 5 saya, Allahyarham Cikgu Rahmat bin Haji Tahir pada tahun 1939. Saya tuliskan 5 rangkap pantun mengenai saya dan sekolah. Pantun itu telah meraih hadiah pertama. Hadiah yang saya terima ialah sehelai singlet berlengan pendek, cap pagoda yang saiznya bukan saiz saya. Mahu dengar pantun itu? Kalau mahu saya bacakan. Kalau tak mahu tak mengapa.

Peraduan atau pertandingan membaca atau mendeklamasi sajak yang pertama kali diadakan di Singapura ialah pada 1 Januari 1955 di Raffles Institution Bras Basah Road. Peraduan itu telah dianjurkan Perkumpulan Seni Singapura. Saya bersama-sama Masuri S.N. dan almarhum Cikgu Buyung Adil, telah diundang mengadili peraduan itu. Berdasarkan *sebutan*, *ekspresi* dan *lagu baca puisi* yang kami dengar melalui RRI, kami adili pertandingan itu. Keluarlah Kalam Hamidi sebagai juara belia, dan Fatimah Yasin sebagai juara wanita.

Nampaknya, stail Kalam Hamidi dan Fatimah Yasin itu, secara tidak disedari telah menjadi model atau menjadi asas stail pendeklamasian sajak hingga sekarang ini. Namun, barangsiapa yang pernah menghadiri malam-malam baca puisi Singapura I dan II anjuran Asas 50, mungkin stail Taufik Ismail dari Indonesia, Hamid Jabar dari Indonesia dan Abdul Rahman Shaari dari Malaysia dapat memberikan variasi pendeklamasian sajak kita.

Kesan dari pantun Kak Cah kepada Bang Mat tadi telah menggugah keinginan saya hendak jadi pengarang sebagai penyambung kerja Sulaiman bin Ahmad itu. Saya mula mengarang dengan menuliskan kegiatan pengakap pasukan 41 di majalah Scouting for boys pada 1940-1941.

Dalam zaman pendudukan Jepun 15 Feb 1942 hingga 14 Ogos 1945 saya menulis cerita-cerita rekaan yang berdasarkan pengalaman hidup di Syonan-to. Pengarang Marai Syimbun Sya dan Semangat Asia tidak suka akan karangan saya kerana tidak beralas atau berselindung.

Dalam tahun 1943, saya telah diminta menulis skrip sandiwara radio yang dilakonkan oleh kumpulan Sandiwara Syonan Tengah yang dipimpin almarhum Buang Omar (ayah Cikgu Rahmad Buang). Waktu di Maktab Perguruan Sultan Idris 1946 - 1949 saya teruskan usaha mengarang walaupun tidak ada sebarang honorarium diberikan kepada penulis/pengarang.

Pulang dari Tanjung Malim pada Jun 1949 saya teruskan hidup sebagai guru sekolah dan sebagai penulis budiman. Apabila Asas 50 kami tubuhkan pada tahun 1950, pada 1951 atas nama Asas 50 saya tuntutan supaya penerbit membayar honorarium kepada penulis yang tulisannya disiarkan.

Anak-anakku penyambung generasi.

Cerita jatuh bangun cuba dan usaha bagaimana hendak jadi pengarang, penulis atau sasterawan telah saya ceritakan serba ringkas. Kamu, dengan berperanan serta dalam pertandingan bercerita, mendeklamasi sajak dan mengarang itu - sama ada kamu sedari atau tidak - telah kamu masuki bidang yang telah saya ceburi semenjak saya muda seperti kamu.

Apa yang sebenarnya hendak saya sampaikan kepada kamu ialah bahawa dalam hal apa pun juga tidak ada yang mustahil; tidak ada yang tak dapat digapai walaupun ada wacana yang berkata *Rome was not built in a day*. Lambat laun apa yang kita gapai akan tercapai juga. Pasanglah cita-cita seperti MAT JAMIN; jangan berangan-angan seperti Mat Janin.

Garaplah cita-cita itu dengan usaha yang selalu diiringi dengan doa. Allah berfirman *man jadda wa jad..* (siapa berusaha nescaya mendapat). Jangan lupa pesannya *ud'uni astajib lakum* (berdoalah kepada-Ku nescaya Aku mustajabkan). Jelas bahawa yang menjadikan kita berjaya ialah usaha dan doa!

Akhirnya,

Saya ucapkan tahniah kepada sekalian peserta pertandingan yang memenangi pertandingan yang disertainya, dan ucapan syabasy kepada sekalian yang telah menyertai semua pertandingan yang telah dianjurkan. Bersyukurlah sekalian yang berjaya, dan bersabarlah sekalian belum tercapai juangnya. Hendaknya jangan sampai ada yang kehilangan semangat, kerana Allah tidak gemar kepada mereka yang putus asa.

Sekian.

Wabillahit-Taufiq wal-Hidayah

Wassalamu alaikum wR wB.

